



**SURAT KELILING JABATAN PERDANA MENTERI BIL.: 04/2024
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**

**PENGEMASKINIAN KUASA MENANDATANGANI DAN
GARIS PANDUAN AM KONTRAK-KONTRAK
BAGI SEMUA KEMENTERIAN DAN JABATAN**

Pada menjunjung titah perkenan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, maka dengan ini Jabatan Perdana Menteri memaklumkan bahawa kuasa menandatangani kontrak-kontrak bagi pihak Kerajaan adalah seperti berikut:

1. Kontrak bagi maksud Surat Keliling ini adalah suatu bentuk perjanjian bertulis yang dinamakan sebagai Kontrak atau Perjanjian yang akan ditandatangani atas nama Kerajaan bagi jenis-jenis kontrak yang telah dinilai dan diberikan kebenaran melalui Lembaga Tawaran Negara di Kementerian Kewangan dan Ekonomi, Lembaga Tawaran Kecil di Kementerian dan Jawatankuasa Sebutharga di Kementerian/ Jabatan.

2. Kuasa Menandatangani Kontrak

- 2.1 Kuasa menandatangani kontrak adalah menurut harga kontrak seperti pembahagian berikut:

BIL	JAWATAN	HARGA KONTRAK YANG BOLEH DITANDATANGANI	KEBENARAN PROSES PEROLEHAN
1.	Setiausaha Tetap	Melebihi B\$5.0 juta tanpa had tertinggi	Lembaga Tawaran Negara
2.	Setiausaha Tetap atau Timbalan Setiausaha Tetap	Melebihi B\$250,000 hingga B\$5.0 juta	Lembaga Tawaran Negara
3.	Timbalan Setiausaha Tetap atau Ketua Jabatan atau peringkat Pengarah di Kementerian	Melebihi B\$50,000 hingga B\$250,000	Lembaga Tawaran Kecil
4.	Ketua Jabatan, atau peringkat Pengarah di Kementerian	\$50,000.00 dan ke bawah	Jawatankuasa Sebutharga



-2-

- 2.2 Bagi Kementerian Kesihatan, pembelian ubat-ubatan dan 'medical consumables' melebihi \$250,000.00 sehingga B\$2.0 juta, kebenaran proses perolehan adalah dinilai dan diberikan kebenaran melalui Lembaga Tawaran Kecil, Kementerian Kesihatan, yang mana penandatanganan kontrak bagi perkara-perkara tersebut adalah menurut harga kontrak sepetimana keterangan dalam matriks di atas.
- 2.3 Dalam keadaan di mana terdapat lebih dari seorang (1) pemegang bagi mana-mana jawatan yang tersenarai di atas, penandatanganan kontrak adalah mengikut portfolio atau kawalselia masing-masing yang berhubungkait dengan kontrak tersebut dari segi kawalan dan penyelaras. Bagi perihal menandatangani kontrak di luar negara dan bagi keperluan selain jadual di atas, adalah tertakluk kepada kebenaran Menteri masing-masing.
- 2.4 Dalam keadaan di mana jawatan-jawatan tersebut di atas adalah dipangku sama ada secara sementara atau secara substantif, pemangku adalah dibenarkan untuk menandatangani kontrak mengikut sukat-sukat yang ditetapkan di perenggan 2.1.

Dalam hal ini, pemangku dan pemegang asal jawatan berkenaan adalah masing-masing dipertanggungjawabkan ke atas sebarang perkara yang berbangkit berkaitan kontrak berkenaan.

3. Garis Pandu Am Kontrak

Berikut adalah perkara-perkara yang perlu diambil kira bagi setiap kontrak yang ditandatangani oleh pihak Kerajaan:

- 3.1 Pihak Kementerian dan Jabatan hendaklah memastikan bahawa proses pelaksanaan perolehan dan tawaran adalah teratur dan selaras dengan Peraturan-Peraturan Kewangan yang berkuatkuasa dari masa ke semasa.
- 3.2 Pihak Kementerian dan Jabatan hendaklah memastikan setiap kontrak yang ditandatangani adalah selaras dengan tatacara penyediaan kontrak secara amalan terbaik (*best practice*) yang berjalan pada masa ini, tertakluk kepada sebarang perubahan dari masa ke semasa.

A

..3/



-3-

- 3.3 Kontrak harus ditandatangani oleh wakil pihak kontraktor yang mempunyai kuasa menandatangani di bawah undang-undang (*Legal Authority*).
 - 3.4 Bagi pihak kontraktor yang terdiri dari Konsortium atau Usaha Sama (*Joint Venture*), maka Perjanjian Konsortium atau Usaha Sama hendaklah juga dimasukkan sekali dan dijadikan sebagai sebahagian dari dokumen kontrak.
 - 3.5 Salinan Yang Telah Diperakui (*Certified True Copy*) perjanjian atau kontrak yang telah ditandatangani beserta dokumen kontrak yang lengkap harus dikelilingkan kepada semua pihak berkuasa yang berkenaan secara elektronik termasuk Jabatan Perbendaharaan, Jabatan Audit, Pejabat Belanjawan dan Rancangan Kemajuan Negara di Kementerian Kewangan dan Ekonomi (bagi kontrak di bawah Rancangan Kemajuan Negara) dan Biro Mencegah Rasuah.
 - 3.6 Wakil yang menandatangani kontrak atau perjanjian bagi pihak Kerajaan mestilah membuat deklarasi tidak mempunyai hubungankait dengan pihak kontraktor. Jika wakil Kerajaan mempunyai hubungankait dengan pihak kontrak maka penandatangan kontrak atau perjanjian berkenaan hendaklah diberikan kepada mana-mana pegawai kanan yang diberi kuasa oleh Menteri Kementerian masing-masing.
 - 3.7 Bagi memastikan bahawa kontrak-kontrak yang selesai dijalankan, pihak Kementerian / Jabatan yang bertanggungjawab perlu memastikan bahawa kontrak *closure / closeout* dilaksanakan selaras dengan tatacara yang berjalan pada masa ini.
4. Surat Keliling Jabatan Perdana Menteri bilangan 06/2007 mengenai Kuasa Menandatangani Kontrak-Kontrak yang dilaksanakan oleh Jabatan-Jabatan di bawah Kementerian Pembangunan dan Garispandu-Garispandu Am bagi Persiapan dan Proses Menandatangani Kontrak-Kontrak bagi Semua Kementerian-Kementerian dan Jabatan-Jabatan adalah dibatalkan.
 5. Surat Keliling ini adalah berkuatkuasa mulai tarikh Surat Keliling ini dikeluarkan dan akan dikemaskini dari semasa ke semasa menurut keperluan dan perkembangan terkini.

..4/



-4-

Sekian sahaja yang dapat dimaklumkan pada menjunjung titah perkenan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.

"Raja dan Rakyat Tiada Tembok Pemisah"

Dengan hormat

A blue ink signature of the name "Ajman bin Haji Meludin".
[AJMAN BIN HAJI MELUDIN]
Setiausaha Tetap

Jabatan Perdana Menteri
Istana Nurul Iman
Bandar Seri Begawan BA1000
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

Rujukan : (4)JPM/SK/2024
Tarikh : 23 Muharram 1446 / 29 Julai 2024